

MAJLIS PENUTUP KARNIVAL SUKAN 2018 DAN PEMBUKAAN KARNIVAL SUKAN 2019 DI PU GONG KEDAK

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4483-majlis-penutup-karnival-sukan-2018-dan-pembukaan-karnival-sukan-2019-di-pu-gong-kedak

GONG KEDAK, 1 Feb 19 - Majlis Penutup Karnival Kejohanan Sukan 2018 Antara Seksyen telah berlangsung di Padang Bola Sepak, Pangkalan Udara Gong Kedak. Kejohanan tahunan ini melibatkan 7 pasukan yang bertanding iaitu No 11 Skuadron, Cawang Kejuruteraan, Skuadron Bantuan Operasi, Skuadron 321, Cawang Material, Cawang Tadbir/Provos dan turut terlibat Gabungan Kontraktor.

Kejohanan edisi kali ini telah bermula secara rasminya pada 16 Jan 18 hingga 29 Nov 18 melibatkan 15 acara sukan iaitu Futsal, Hoki, Petanque, Ragbi, Badminton, Bola Sepak, Lumba Basikal, Sepak Takraw, Tennis, Ping Pong, Bola Tampar, Squasy, Bola Jaring, Bola Keranjang dan Lawn Bowls.

Keputusan Keseluruhan bagi Pertandingan Kejohanan Sukan Antara Seksyen di Pangkalan Udara Gong Kedak Tahun 2018 ialah:

- JOHAN - No 11 Skuadron
- NAIB JOHAN - Cawang Kejuruteraan
- Ke - 3 - Cawang Materiel
- Ke - 4 - Gabungan Kontraktor
- Ke - 5 - Skuadron Bantuan Operasi
- Ke - 6 - Cawang Tadbir/Provos
- Ke - 7 - Skuadron 321

Bagi sukan Bola Jaring wanita antara dua negeri Johan telah dimenangi dari Negeri Terengganu dan Naib Johan dari Negeri Kelantan. Kejohanan ini merupakan salah satu platform untuk mencungkil bakat sukan di kalangan warga Pangkalan Udara Gong Kedak dan seterusnya dapat diketengahkan sehingga ke peringkat Pangkalan, ATM dan peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.



Ternyata setiap pasukan telah mempamerkan semangat kesukanan, perjuangan dan kerjasama yang tinggi. Ini ditambah dengan sokongan padu daripada penyokong setiap pasukan sekaligus membakar semangat kesukanan dalam setiap kejohanan yang berlangsung sepanjang tahun 2018.

Penyampaian Piala Pusingan dan Hadiah Karnival Sukan Bagi Tahun 2018 serta merasmikan Penutup Karnival Sukan 2018 telah disempurnakan oleh Komander Pangkalan, Kol Rozainy bin Ahmad Rapiee @ Ahmad Rofie TUDM dan seterusnya merasmikan Karnival Sukan 2019 dengan sepakan bola sepak sebagai gimik pembukaan Karnival Sukan 2019 serta pembukaan sepak mula perlawanan Bola Sepak interseksyen antara Cawang Tadbir/Provos melawan Skuadron Bantuan Operasi. Turut hadir Pegawai-pegawai Kanan, pegawai-pegawai, anggota lain-lain pangkat dan team Gabungan Kontraktor.

